

26/03/2003

Washington tidak peduli kepentingan sejagat

SEBAGAI negara kuasa besar tunggal dunia, Amerika Syarikat sememangnya diharapkan bukan saja mendukung undang-undang antarabangsa, memelihara dan menghormati Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) malah juga ketetapan Konvensyen Geneva. Malangnya, semua itu diketepikannya apabila Pentadbiran Amerika disokong bekas kuasa penjajah, Britain melancarkan perang terhadap Iraq bukan saja tanpa restu PBB tetapi tanpa sebarang alasan konkrit kecuali mahu membuli negara kecil. Tindakan itu diibaratkan

Perdana Menteri sebagai membawa kembali amalan Zaman Batu iaitu apabila kekuatan digunakan bagi menentukan kebenaran. Pencabulan terhadap kedaulatan dan wilayah Iraq kononnya untuk menggulingkan kerajaan Presiden

Saddam Hussein yang dituduh bersikap kuku besi dan membina senjata kimia,

pemusnah besar dan nuklear sekali gus mendedahkan negara lain kepada ancaman diserang pada masa depan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dengan sesuka hati, kuasa besar atau kuasa serantau boleh mereka pelbagai

tuduhan seperti kerajaan tidak demokratik, melanggar hak asasi manusia dan

gagal memberi kebebasan beragama bagi menghalalkan tindakan dan kekerasan

yang digunakan.

Dalam menyerang Iraq menggunakan senjata canggih dan pemusnah besar, Amerika tidak mempedulikan langsung bantahan rakyat seluruh dunia termasuk rakyat Amerika sendiri serta sekutunya di Eropah hingga tergamak

membelakangkan PBB. Kini apabila terbukti kekuatan kental Iraq membolehkan

askar Saddam menawan tentera Amerika, tiba-tiba saja Presiden George W Bush menggertak mahu mendakwa sesiapa yang menyeksa tawanan sebagai penjenayah perang. Mengapa baru kini mahu membangkitkan soal undang-undang

antarabangsa, hak asasi dan peruntukan Konvensyen Geneva apabila sebelum ini semua itu dicabuli? Jelas Bush khuatir tawanan Amerika diberi layanan

buruk sedangkan ia sendiri mendera tawanan perang Afghanistan di penjara Teluk Guantanamo.

Amerika sebenarnya, sebagaimana kata Dr Mahathir tidak berhak lagi mengungkit soal perlunya semua undang-undang antarabangsa dihormati. Bush

sebenarnya tidak lagi mahu Amerika terikat dengan sebarang peraturan dunia

yang membataskan kuasanya. Sebab itulah ia menarik diri daripada Perjanjian Anti-Peluru Berpandu Balistik 1972, enggan memperakui Mahkamah

Jenayah Antarabangsa dan menolak Protokol Kyoto. Kini Amerika sebenarnya

mahu memberitahu dunia, ia sentiasa bersedia mengambil tindakan sepihak bagi menjaga kepentingannya tanpa mempedulikan kepentingan sejagat dan prinsip hubungan multilateral.